

14/09/2002

`Bertanding secara sopan'

Maznah Darus

GEORGETOWN, Jumaat - Pertandingan dalam pemilihan pucuk pimpinan boleh diadakan asalkan ia mengikut syarat yang ditetapkan.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata apa yang perlu dipastikan pertandingan itu bebas daripada sebarang tindakan yang melanggar tatacara yang ditetapkan Jawatankuasa Disiplin Umno.

"Siapa saja boleh kempen sekarang. Dia boleh jumpa sesiapa pun tetapi janganlah ada rasuah atau pengumuman dibuat oleh mana-mana pihak yang menyatakan dia sokong si polan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Penerangan Umno negeri di Bilik Bayan, Hotel Equatorial, di sini, petang ini.

Megat Junid diminta mengulas dakwaan beberapa pihak yang kurang senang dengan tindakan Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said yang mengadakan perjumpaan dengan beberapa pemimpin tertinggi parti serta hasrat beberapa ahli Puteri yang ingin mencabar kedudukan Azalina.

"Saya tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak. Kita perlu adakan pertandingan yang sihat, yang tidak ada sebarang kesilapan teknikal atau budaya negatif.

"Yang penting saya juga ingin nasihatkan Azalina supaya berhati-hati kerana saya tidak mahu segala susah payah beliau mengorbankan masa dan tenaga untuk mewujudkan Puteri selama ini akan tamat begitu saja atas sebab-sebab teknikal," katanya sambil menyifatkan pergolakan dalam Puteri Umno ketika ini masih terkawal.

Beliau berkata, pihaknya sendiri serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberi amaran supaya kempen bagi pemilihan sayap baru Umno itu dijauhi daripada rasuah atau politik wang.

Mengenai dakwaan bekas pembantu peribadi Azalina, Elly@Zalilah Yusof bahawa jumlah 90,000 keahlian Puteri Umno yang diberikan bukan yang sebenarnya, Megat Junid berkata:

"Elok kaji dengan teliti perkara ini untuk elakkan wujudnya sebarang masalah teknikal seperti keahlian bertindih atau ahli Puteri yang menjadi ahli jawatankuasa Wanita Umno.

"Saya bimbang jika ia dibiarkan begitu saja nanti akan menjadi punca pembatalan sesuatu pertandingan."

Megat Junid juga berkata, perkara itu akan dibincang Badan Pengurusan Umno yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebaik beliau pulang dari New York, Amerika Syarikat.

Beliau turut menggesa semua pihak supaya sentiasa mengingati hakikat bahawa penubuhan Puteri Umno adalah ibarat sehelai kain putih yang bersih daripada sebarang noda.

"Jadi sama-samalah kita memeliharanya agar sentiasa putih bersih. Janganlah ada pihak yang mencemarkannya," katanya.